



## PRPI Bukti Kemampuan Penyelidikan UPM



Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menyampaikan hadiah kepada Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Hamid sambil diperhatikan oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

**SERDANG, 4 Ogos** – Seramai 57 pemenang mendapat 69 pingat emas pada Pameran Rekacipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) 2008 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) 31 Julai lalu.

Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Hamid berjaya membolot tiga emas diikuti sepuluh penyelidik mendapat dua emas dan 45 penyelidik mendapat satu emas.

Anugerah khas diberi kepada Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah (Anugerah INPEX), Dr. Tinia Idaty Mohd. Ghazi (Anugerah IENA) dan Prof. Dr. Muzafar Shah Habibullah (Anugerah INNOVA) atas kejayaan mereka pada anugerah lalu.

Kesemua pemenang PRPI menerima anugerah daripada Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin yang hadir merasmikan acara penutup majlis itu.

Hasil penyelidikan penyelidik UPM tersebut telah dipamerkan dalam 349 ruang pameran mengikut bidang daripada 29 hingga 31 Julai lalu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mengumumkan sebanyak 24% produk memperoleh emas, 53% perak dan 23% gangsa melalui 349 hasil penyelidikan dari 3 kategori penyelidikan iaitu penyelidikan gunaan, penyelidikan fundamental dan penyelidikan inovasi di PRPI 2008.

Dalam majlis yang sama, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) menerima persijilan MS ISO9001:2000 bagi skop Pengurusan Penyelidikan dan Pengkomersialan Universiti.

Khaled berkata pameran itu memartabatkan hasil rekacipta, penyelidikan dan inovasi serta mendokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyempurnakan Pelan Strategik, iaitu "Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi".

"Usaha UPM membuka mata masyarakat dan menyedari kepentingan rekacipta, penyelidikan dan inovasi kepada pembangunan manusia dan juga negara," katanya.

Beliau berkata empat hasil penyelidikan UPM berjaya menembusi pasaran luar negara seperti Indonesia, Iran, Australia, Sri Lanka, Thailand dan Singapura dan wajar dijadikan contoh oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam lain.

Khaled juga mengucapkan tahniah pada UPM kerana Institut BioSains UPM dipilih sebagai salah satu daripada 8 Centre of Excellence (CoE) KPT di bawah Kluster Sains Hayat.

"Namun warga UPM seharusnya berusaha lebih keras untuk memartabatkan UPM di peringkat global," katanya.

Pengerusi PRPI 2008, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli berkata pameran kali ini mengenangkan hasil penyelidikan dan penemuan baru yang berpotensi untuk dikomersialkan.

"Setiap penyertaan ke pameran ini perlu memenuhi kriteria sama ada teknologi penyelidikan tersebut telah memperolehi status pemeliharaan harta intelek atau telah diterbitkan dalam jurnal indeks petikan."

Dr. Irmawati berkata PRPI 2008 yang bertemakan 'Pembudayaan Penyelidikan Berimpak Tinggi' telah diadakan sejak tahun 1997 untuk melonjakkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) UPM.



Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din menerangkan hasil kajian penyelidik kepada Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Disediakan oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat.